

07/11/1997

BN bela kepentingan rakyat semua kaum

Dzulkfley Zanudin; Azmi Md Deros; Yahya Awang
TAIPING, Khamis - Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi Umno adalah parti yang dapat membela kepentingan rakyat semua kaum dalam apa jua keadaan, termasuk ketika ekonomi meleset.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata rahsia kejayaan itu ialah semangat muafakat dan perpaduan kukuh setiap parti komponen BN.

Menurutnya, kejayaan itu membantu Malaysia menghadapi masalah ekonomi yang melanda kebanyakan negara di dunia sekarang termasuk di rantau ini.

"Malaysia tidak ada masalah dan ekonomi kita tidak begitu berserabut berbanding beberapa negara jiran.

"Ekonomi kita tetap kukuh sebab parti kita kuat dan mudah mengatur ekonomi negara dengan melaksanakan program yang sesuai," katanya pada jamuan bersama pemimpin Umno dan BN di sini, malam ini.

Hadir sama, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak dan Pengerusi BN Negeri serta calon BN bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Changkat Jering, Mat Isa Ismail.

Anwar juga berkata, kekuatan politik dan semangat padu BN serta Umno bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, termasuk mengemukakan pandangan mengatasi krisis kewangan antarabangsa, membolehkan ekonomi negara terus teguh.

"Oleh itu, kita perlu beri sokongan padu dan bulat kepada Dr Mahathir dalam usahanya mengatasi krisis kewangan sekarang," katanya.

Beliau juga berkata, sokongan itu penting kerana parti yang kukuh dan tiada masalah akan terus teguh.

"Malah, Dr Mahathir mengarahkan saya segera mengadakan mesyuarat mengenai masalah ekonomi sekarang dengan menteri-menteri kewangan Asean, lima kuasa besar Asia dan negara-negara Kumpulan 15 (G-15)," katanya.

Sementara itu, ketika berkempen kepada lebih 1,000 orang penduduk di Kampung Larut Tin, di sini kemudian, Anwar berkata, pilihan raya kecil ini yang diadakan ketika ekonomi negara tergugat penting sebagai mandat untuk membolehkan kerajaan BN menyelesaikan masalah itu.

Beliau juga menafikan kerajaan cuba memperkecilkan kedudukan mufti dan ulama seperti yang dibangkitkan dalam kempen Pas selama ini.

Anwar juga menyelar sikap pemimpin Pas yang enggan bekerjasama dalam menangani masalah ekonomi yang dihadapi negara.

"Pas hanya tahu menghentam kerajaan ketika ekonomi negara jatuh.

"Politik tuduh menuduh yang diamalkan oleh Pas tidak sesuai diamalkan di negara ini.

"Mereka sepatutnya memberikan cadangan bagaimana mengatasi keadaan ekonomi ini. Jika cadangan mereka baik, kita akan terima," katanya.

Menurutnya, kelembapan ekonomi yang dialami sekarang bukan masalah dalaman negara tetapi masalah antarabangsa.

Beliau berkata, Pas juga melakukan kesilapan apabila mempersoalkan langkah kerajaan menawarkan bantuan pinjaman RM3.3 bilion kepada negara jiran.

Katanya, bantuan itu perlu bagi memulihkan keadaan ekonomi negara berkenaan kerana ia akan memberi kesan positif kepada Malaysia.

Sebelum itu, di Nibong Tebal, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran kepada parti pembangkang supaya tidak mengadakan pakatan sulit dan mengungkit isu perkauman bagi memecah-belahkan perpaduan dan keharmonian

kaum di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri juga mengingatkan permainan politik perkauman secara senyap dengan tujuan untuk memusnahkan kestabilan politik dan ekonomi negara adalah amat berbahaya dan perlu ditentang habis-habisan oleh rakyat.

"Komplot seperti itu berlaku dalam kempen pilihan raya kecil Sungai Bakap di antara DAP yang memainkan isu kaum Cina dan seorang calon bebas Melayu yang menggunakan sentimen perkauman Melayu," katanya ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sungai Bakap, petang ini.

Turut berucap pada majlis itu, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik.

(END)